

# Geng along upah orang muda jadi tukang ugut

**Kuala Lumpur:** Empat sindiket pemberi pinjaman wang haram atau along yang ditumpaskan minggu lalu dikesan mengupah golongan muda berusia antara 18 hingga awal 20-an sebagai 'tukang ugut' untuk menakutkan peminjam.

Penemuan itu hasil siasatan ke atas 29 suspek, termasuk dua wanita berusia antara 18 hingga 48 tahun yang ditahan dalam Ops Vulture yang dijalankan di ibu negara, Selangor, Johor dan Kedah pada 30 Julai hingga 3 Ogos lalu.

Dalam operasi diketuai Timbalan Pengarah (Risikan/Operasi) Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman, Senior Asisten Komisioner Mohd Sakri Ariffin itu, dua lelaki dipercayai dalang sindiket turut berjaya ditahan, masing-masing berusia 47 dan 48 tahun.

Sindiket ini dikesan aktif sejak beberapa tahun lalu di Johor Bah-

ru sebelum mula mencari pasaran dan pelanggan di Melaka, Negeri Sembilan, Selangor serta Kuala Lumpur.

## Terima 30 aduan

Timbalan Pengarah JSJK Bukit Aman, Datuk A Thaveegan, berkata empat sindiket along terbabit berjaya ditumpaskan susulan 30 aduan diterima daripada 30 mangsa selepas pelbagai ugutan dan gangguan diterima mereka.

"Peminjam yang mempunyai masalah membuat pembayaran semula biasanya diugut dengan kekerasan sehingga hidup dalam ketakutan, ada yang harta bendanya dibaling cat atau dirosakkan, gambar dan maklumat peribadi ditampal serta disebar." "Sehingga sampai satu tahap, ada sindiket along ini menculik ahli keluarga peminjam sebagai cagaran. Siasatan mendapati anggota sindiket yang melakukan ker-

ja ugutan ini membabitkan orang muda," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat JSJK Bukit Aman di sini, semalam.

## Budaya tidak sihat

Thaveegan berkata, menggunakan orang muda untuk menjadi tukang ugut ini dilihat budaya tidak sihat dan perlu dibendung kerana melakukan ugutan dan kekerasan adalah satu kesalahan jenayah yang serius.

Selain itu, katanya, orang ramai dinasihatkan tidak meminjam wang syarikat tidak berlesen atau along kerana mengenakan kadar faedah terlalu tinggi antara 10 peratus sehingga 15 peratus dalam tempoh dua minggu. "Sudah terlalu banyak maklumat dan pendedahan dibuat pihak polis dan media berhubung perkara ini, namun masih ramai terpedaya dengan iklan along.

"Hasil kajian kita, masalah ke-

sempitan wang kerana kos sara hidup tinggi menjadi pendorong mereka meminjam daripada along, namun ada yang mahu mendapatkan wang dengan cara mudah untuk berjudi," katanya.

Thaveegan berkata, semua suspek ditangkap itu kini direman empat hari sehingga Khamis ini dan kes disiasat mengikut Seksyen 5(2) Akta Pemberi Pinjaman Wang 1951 kerana menjalankan aktiviti perniagaan pemberi pinjaman wang tanpa lesen dan tindakan mengikut Akta Pencegahan Jenayah (POCA) 1959.

Selain itu, katanya, polis turut merampas pelbagai dokumen along, 153 cek pelbagai bank, 68 unit telefon bimbit, 51 kad ATM dan empat komputer riba.

Difahamkan, 30 pengadu membuat laporan polis berhubung empat sindiket berkenaan terbabit dengan pinjaman berjumlah RM575,950.



Hasil kajian kita, masalah kesempitan wang kerana kos sara hidup tinggi menjadi pendorong mereka meminjam daripada along, namun ada yang mahu mendapatkan wang dengan cara mudah untuk berjudi"

**A Thaveegan,**  
Timbalan Pengarah JSJK  
Bukit Aman